


Brunei Darussalam



((Masjid Omar Ali Saifuddin)) Brunei tersergam

dengan hebatnya. Bawah: Gambar lampu besar dalam masjid ini yang menambahkan keindahannya.



Perkembangan Islam dan kebudayaan sedang bersemarak

di negeri Brunei (Darussalam. Dasar pelajaan Islam

yang membimbing rakyat untuk mencapai kejayaan di dunia dan

kebahagian di akhirat sedang diluaskan di seluruh negeri.

Ini sudah selayaknya, kerana semangat cintakan

Islam telah mesra dalam hati Duli Yang Maha Mulia Baginda

Sultan dan rakyat baginda yang beragama Islam.

Syiar Islam di negeri Brunei makin terserlah

kepada dunia dengan masjidnya yang indah dan menelan belanja
berjuta-juta ringgit. Masjid ini terkenal dengan nama

((Masjid Omar Ali Saifuddin) kerana mengambil

sempena nama baginda Sultan Brunei yang mendirikannya.

Letaknya di tengah-tengah bandar Brunei, berdekatan dengan

((Kampung Ayer)) sebuah kampung yang masyhur dengan

rumah-rumah Melayu yang terdiri di atas rakit. Jumlah
penduduknya 15,000 orang.

((Kubah))nya yang keemasan sebesar 50 kaki, indah

sekali, bertambah pula dengan menara besar yang menjulang
setinggi 200 kaki. Dari sinilah suara azan yang

menghidupkan semangat rohani bergema di seluruh bandar
Brunei menerusi alat pembesar suara.

Brunei ((Darussalam)) mempunyai kedudukan yang

penting dalam perkembangan Islam, apa lagi dalam negara

Kesatuan ((Melayu Raya))

—oOo—